

FILEM SEBAGAI MEDIA PENGAJARAN KOR-SISPA DI UNIVERSITI AWAM

Che Zuina Ismail, Wan Asri Wan Abdul Aziz, Mohd Faizul Idham Mohd Zulkipli
*Azman Che Mat

Universiti Teknologi MARA, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

*Corresponding author's email: azman531@tganu.uitm.edu.my

Submission date: 15 Feb 2018

Accepted date: 15 April 2018

Published date: 20 May 2018

Abstract

Kor-Sispa is a uniform body under the Malaysian Civil Defense Force (APM) formerly known as JPAM. It is an important organization in Malaysia. This paper presents some issues such as soft skills as the co-curricular objectives of the university, the role of Kor-sispa unit and teaching innovation with the use of film as a media in teaching and learning (TL). This paper discusses the use of media, which is film/video clips as a method of Kor-sispa teaching. The question is whether this method suitable for use based on objective background, syllabus and the use of film/video clips in the field of TL across multiple disciplines. TL activities that fit the subject presentation could have a better effect. Media usage is one way to enrich the TL process. Finally, this paper proposes a field study to evaluate, measure and formulate the acceptance of film as a TL innovation in the Kor-sispa unit.

Keywords: Kor-sispa, TL, Media, Skills, Graduates

Abstrak

Kor-Sispa adalah satu badan beruniform di bawah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dulunya dikenali sebagai JPAM merupakan sebuah organisasi yang penting di Malaysia. Penulisan ini merungkaikan beberapa isu seperti kemahiran insaniah sebagai objektif kokurikulum universiti, peranan unit korsispa dan inovasi pengajaran dengan penggunaan media filem dalam P&P. Makalah ini membincangkan penggunaan media, iaitu filem/video klip sebagai satu kaedah pengajaran Kor-sispa. Adakah kaedah ini sesuai digunakan berdasarkan latar belakang objektif, silibus dan penggunaan filem/video klip dalam bidang Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) merentasi pelbagai disiplin. Aktiviti P&P yang sesuai dengan subjek yang dipersembahkan dapat memberikan kesan yang lebih baik. Penggunaan media adalah salah satu cara untuk memperkayakan proses P&P. Akhirnya, makalah ini mencadangkan agar satu kajian lapangan dilakukan untuk menilai, mengukur dan merumuskan penerimaan media filem sebagai satu inovasi P&P dalam unit Kor-sispa.

Keywords: Kor-sispa, P&P, Media, Kemahiran, Graduan

1.0 PENGENALAN

Kemahiran Insaniah (*softskills*) merupakan salah satu elemen penting dalam penghasilan seseorang graduan pengajian tinggi. Kemahiran insaniah mula diberi perhatian dalam institusi pengajian tinggi Malaysia sekitar tahun 2000. Walaupun pada hakikatnya, kemahiran ini telah diterapkan secara tidak

langsung dalam sistem pendidikan Negara. Namun oleh kerana isu graduan yang tidak mendapat peluang pekerjaan dikaitkan dengan tiada kemahiran insaniah, maka kementerian pengajian tinggi telah mengambil inisiatif memperkenalkan kemahiran insaniah sebagai salah satu komponen penting dalam program pengajian peringkat ijazah.

Fadhilah Mat Assain & Hasmadi Mat Safar (2011) menyatakan bahawa kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang telah diamalkan dalam kehidupan seharian namun kadang kala bagi sesetengah orang, kemahiran tersebut diamalkan tanpa disedari dalam aktiviti kehidupan. Malah kemahiran insaniah dianggap kemahiran yang sangat diperlukan dalam bidang industri dan program-program latihan amat dititikberatkan oleh pihak majikan (Zulkifli Mansor (2008). Laporan Kementerian Pengajian Tinggi IPT (2006) menyatakan bahawa Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah adalah untuk IPT di Malaysia, di mana kemahiran insaniah merupakan kemahiran generik walaupun tidak terdapat satu senarai kemahiran yang khusus mengenai kemahiran insaniah.

2.0 LATARBELAKANG KAJIAN

2.1 Kor-Sispa

Kor-Sispa adalah satu badan beruniform di bawah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dulunya dikenali sebagai JPAM merupakan sebuah organisasi yang penting di Malaysia. Fungsi utama APM ialah untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat berpandukan seksyen 3(2) c Akta pertahanan awam 1951 (Akta 221). Manakala seksyen 3(2)a Akta 221 pula dikhususkan kepada aspek persiapan dan kelengkapan latihan. Skop peranan JPAM pula dirujuk kepada seksyen 8(1) Akta 221, iaitu melakukan kerja bantuan dan perlindungan nyawa, orang atau harta benda. Oleh itu, kandungan silibus latihan yang disediakan berpaksikan kepada aspek-aspek tersebut.

Oleh yang sedemikian, setiap teras kemahiran ini wajar diserapkan ke dalam silibus yang disediakan untuk memastikan objektif pendidikan dapat dicapai. Terdapat lima (5) tahap yang disediakan kepada pelajar untuk kemahiran di dalam/luar medan, iaitu (Sispa UTHM, 2017 dan Sispa UiTM, 2014):

Jadual 1: Objektif Silibus Korsispa

Tahap	Kandungan Silibus	Hasil Pembelajaran	Kemahiran
I	Siswa Siswi Pertahanan Awam I (SISPA I) memberi pendedahan awal berkaitan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan <i>International Civil Defence Organization</i> (ICDO), kenegaraan, pengenalan pertolongan cemas, anatomi, asas sokongan hayat, tanda-tanda dan rawatan, teknik ekstrikasi mengeluarkan mangsa, arahan keselamatan dan latihan kawad kaki.	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenalpasti tindakan yang wajar apabila berlakunya sesuatu keadaan kecemasan. • Merancang kaedah dan tindakan yang sesuai untuk menyelamatkan diri dan orang lain dalam sesuatu keadaan bencana. • Memimpin, mengelola, berpengetahuan secara teori dan praktikal serta berkebolehan mengurus kumpulan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kepimpinan • Kerja berpasukan

II	Siswa Siswi Pertahanan Awam II (SISPA II) adalah lanjutan daripada SISPA I yang mana ia memberi penekanan terhadap perlembagaan Malaysia, teknik menyelamatkan, <i>ascending</i> dan <i>descending</i> , melawan kebakaran, arahan keselamatan, etika dan moral serta latihan kawad kaki.	<ul style="list-style-type: none"> • Berkerjasama dan berkebolehan mengamalkan kemahiran menyelamatkan secara individu dan kumpulan. • Mengaplikasikan secara teori dan praktikal dalam menyampaikan idea dengan terang, berkesan dan penuh yakin. • Menonjolkan personaliti yang berdisiplin, berwibawa, berpengetahuan dan berkebolehan menganalisa dalam pelbagai bidang pengurusan bencana. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja berpasukan • Moral dan profesional
III	Siswa Siswi Pertahanan Awam III (SISPA III) merupakan kursus lanjutan SISPA II yang memberi penekanan terhadap <i>ascending</i> dan <i>descending</i> lanjutan I, melawan kebakaran dalam keadaan kawad basah dan kering, arahan keselamatan lanjutan, dan latihan luar serta kawad kaki.	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenalpasti faktor-faktor dan kriteria yang diperlukan untuk mewujudkan semangat kerja berpasukan. • Membina keyakinan diri dan juga keupayaan dalam membuat keputusan yang tepat. • Berfikir secara kreatif dan berkebolehan untuk berkomunikasi secara berkesan. • Melahirkan individu yang mampu memberi dan menerima arahan dengan jelas. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kritis dan menyelesaikan masalah • Komunikasi • Kerja berpasukan
IV	Siswa Siswi Pertahanan Awam IV (SISPA) merupakan kursus pengenalan kepada <i>standard operating procedure</i> (SOP) dan khidmat kemasyarakatan 999 pertahanan awam. Di samping itu, pelajar akan didedahkan dengan kemahiran kepimpinan dalam organisasi, etika dan moral serta kemahiran berkomunikasi.	<ul style="list-style-type: none"> • Menyebarkan, melatih dan mendidik masyarakat dalam ilmu Pertahanan Awam • Membina keyakinan diri dan juga keupayaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Kritis dan menyelesaikan masalah • Komunikasi

		<p>mendedahkan teknik-teknik menyelamat dari segi teori dan praktikal.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berfikir secara kreatif dan berkebolehan untuk berkomunikasi secara berkesan. 	
V	<p>Siswa Siswi Pertahanan Awam V (SISPA V) merupakan kursus SISPA lanjutan yang memberi penekanan terhadap pertolongan cemas lanjutan, teknik menyelamat lanjutan, melawan kebakaran lanjutan, <i>ascending</i> dan <i>descending</i> lanjutan II, dan khidmat kemasyarakatan serta pengucapan awam berkaitan perlembagaan Malaysia.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Berupaya menyebarkan, melatih dan mendidik masyarakat tentang ilmu Pertahanan Awam • Membina keyakinan diri untuk menjadi ketua pasukan dan berketerampilan sebagai seorang Pegawai Pertahanan Awam • Berfikir secara kreatif dan berkebolehan untuk berkomunikasi secara berkesan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kepimpinan • Kritis • Komunikasi

2.2 Teras Kemahiran dalam Kor-Sispa

Pendidikan di peringkat IPT merupakan satu tahap pendidikan yang menekankan kepada penguasaan kepada aspek kebolehan yang lebih tinggi serta lebih menyeluruh. Menurut Kementerian Pendidikan terdapat tujuh teras kemahiran insaniah yang telah digariskan iaitu, Kemahiran Kepimpinan, Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah, Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat, Kemahiran Komunikasi, Kemahiran Kerja Berpasukan, Kemahiran Keusahawanan dan Etika dan Moral Professional.

Berdasarkan kepada teras kemahiran insaniah yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan silibus kor-sispa, pihak pengkaji merumuskan hanya lima sahaja teras kemahiran yang paling relevan dengan silibus kor sispa seperti yang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini. Lima teras kemahiran tersebut ialah (Ahmad Shazrin Mohamed Azmi et al., 2015):

1. Kemahiran Kepimpinan
2. Kemahiran Komunikasi
3. Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah
4. Etika dan Moral Professional
5. Kemahiran Kerja Berpasukan

Berdasarkan teras kemahiran yang berkait langsung dengan silibus Kor-Sispa, perbincangan secara terperinci perlu dilakukan untuk membina kerangka konsep yang mencangkupi setiap teras ini.

Seperti yang dinyatakan di atas, kelima-lima teras ini dibincangkan secara terperinci untuk membina konstruk-onstruk dalam soal selidik yang dibangunkan untuk tujuan kajian ini. Dalam kajian ini, modul pengajaran Kor-Sispa UiTM dijadikan sumber rujukan kajian. Secara umumnya, asas-asas yang terdapat

dalam silibus ini tidak jauh berbeza dengan UA yang lain. Setiap UA dinaungi oleh APM untuk memastikan silibus yang disediakan sesuai untuk dibekalkan kepada kadet dan pegawai Sispa.

2.3 Modul Pengajaran Kor-Sispa dan Cabaran

Berdasarkan pemerhatian, amalan pengajaran yang diamalkan untuk latihan ini terbatas kepada syarahan dan latihan luar kuliah. Permasalahan yang timbul ialah apabila kedua-dua kaedah ini tidak memberi kelainan kepada pelatih yang mula berjinak-jinak dengan kor-sispa. Akibat daripada itu, tidak ramai yang berminat untuk meneruskan penglibatan dalam korsispa hingga ke pangkat pegawai.

Hal ini sudah tentu merugikan kerana kemahiran yang diperolehi semasa mengikuti silibus tahap satu, dua dan tiga tidak disempurnakan sehingga ke pangkat pegawai. Walhal, dengan pangkat tersebut seorang graduan telah boleh menyumbang kepada masyarakat secara sistematik dan berterusan.

Oleh yang sedemikian, satu inisiatif perlu diambil untuk meningkatkan motivasi dan minat pelatih kor-sispa agar meneruskan penglibatan mereka dalam kesukarelawan. Penggunaan media khususnya filem sebagai medium pengajaran wajar diketengahkan. Berdasarkan kajian-kajian lepas pengkaji telah menguji keberkesanan media filem dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Mohamad Amin Embi (2010), filem atau video boleh menjadi satu alat pendidikan dan motivasi yang amat berpengaruh.

3.0 PENGGUNAAN ABBM/MEDIA DALAM P&P

Kajian dan perbincangan mengenai teori pengajaran dan pembelajaran telah melalui proses yang panjang. Hal ini telah menelurkan pelbagai teori, pendekatan, kaedah dan teknik dalam P&P. Secara umumnya perkara asas dalam P&P berkait dengan dengan empat perkara, iaitu guru/pengajar, murid/pelajar, bahan/isi pelajaran dan persekitaran (Ana Setyandari, 2015).

Fokus dalam makalah ini menjurus kepada bahan/isi pelajaran yang ingin disampaikan dalam kelas/sesi pengajaran. Bahan/isi pelajaran boleh disampaikan berdasarkan pendekatan, kaedah dan teknik yang dipilih oleh pengajar sesuai dengan keperluan murid/pelajar dan bergantung juga kepada persekitaran yang sedia ada. Antara elemen penting yang perlu ada dalam proses penyampaian ini ialah ABMM (Alat Bahan Bantu Mengajar) atau disebut juga sebagai media. Menurut Nur Elyani dan Minarnie (2014) ABBM dapat menyalurkan maklumat kepada pelajar berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar dengan jelas dan sistematik. ABBM/Media ini boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu elektronik dan bukan elektronik.

Pada era teknologi, penggunaan ABBM/media elektronik mendapat perhatian yang begitu meluas. Sejalan dengan gaya hidup masyarakat yang lebih mesra dengan teknologi komunikasi, bidang pendidikan juga telah turut sama mengambil bahagian dalam perkembangan ini. Oleh itu istilah multimedia digunakan untuk menjelaskan perkembangan dalam ABBM/media elektronik yang begitu pesat sekali. Pengajaran yang berasaskan multimedia merupakan ABBM/media yang memanfaatkan pengabungan antara gambar, suara atau audio dan video. Oleh itu, media video atau filem merupakan ABBM yang banyak digunakan untuk membantu proses P&P merentasi pelbagai bidang dan tahap pembelajaran.

Terdapat beberapa kajian yang menyentuh penggunaan media filem dalam pengajaran bahasa. Antaranya ialah kajian Yuksel, D., & Tanriverdi, B. (2009) terhadap pemerolehan kosa kata bahasa Inggeris; Pitriana, D., & Syahrudin, J. (2013) terhadap peningkatan minat belajar bahasa Inggeris; 이도경 (2003) terhadap sebutan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar cina; Latifi, M., Mobalegh, A., & Mohammadi, E. (2011) terhadap keberkesanan paparan sari kata untuk pemerolehan bahasa; Wardhani, A. S., & Pusparini, R. (2013) terhadap kegunaan filem cerita rakyat untuk menggalakan pelajar bertutur dalam bahasa yang dipelajari; Kim, D. B. C. (2009) dan Chitra, J. U., & Thiagarajan, A. P. (2010) menggunakan media filem untuk menguji kemahiran membina ayat dan menulis.

Kajian dalam pendidikan budaya juga dilakukan oleh para pengkaji seperti Seo, E. M. (2008) yang menggunakan filem “The Great Catsby” untuk mengajar budaya Inggeris kepada pelajar Korea. Manakala Kim, K. (2006) pula menggunakan filem “Legally Blonde” kepada pelajar Hong Kong untuk menguji pengetahuan budaya yang dipaparkan dalam filem tersebut.

Dalam bidang kesihatan pula, terdapat kajian yang menggunakan filem sebagai media pengajaran. Dalam bidang kaunselor, Koch, G., & Dollarhide, C. T. (2000) menguji kefahaman konsep kaunselor berdasarkan filem “*Good Will Hunting*.” Manakala Kalra, G. (2011) mencadangkan agar kelab filem ditubuhkan untuk melatih dalam bidang psikitari sebagai kaedah baru dalam P&P. Badura, A. S. (2002), seorang pakar psikologi pendidikan sendiri menjalankan kajian keberkesanan media filem kepada tahap pembelajaran psikologi tidak normal (*abnormal psychology*). Wilson et al. (2010) menjalankan kajian terhadap kegunaan filem terhadap latihan kesihatan (*health training*) dan mencadangkan elemen-elemen filem yang perlu dipilih dan sesuai. Blasco, P. G., & Moreto, G. (2012) juga melakukan kajian terhadap pelajar bagi memberi kefahaman terhadap pendidikan perubatan.

3.1 Kemahiran dan Filem Berkaitan

Di bawah ini dijelaskan secara umum kandungan silibus yang melibatkan kemahiran insaniah serta media pengajaran yang dikutip dari pelbagai sumber yang dicadangkan untuk kemahiran yang disasarkan dalam kurikulum Korsispa.

3.1.1 Kemahiran Kepimpinan

Kepimpinan meliputi kemahiran mengenalpasti masalah, menyelesaikan masalah, refleksi dari masalah yang dihadapi, konfrontasi, mentafsir, memberi maklumat, menghurai, mengamalkan dan mengawal tingkah laku, kemahiran mendengar, memberi perhatian, memberi penjelasan, membuat rumusan dan hubungan manusia. Selain itu, melalui kokurikulum, para pelajar diajar menjadi pemimpin yang mampu berkomunikasi dengan baik, membuat keputusan, menyelesaikan masalah, bekerja dalam kumpulan, mematuhi peraturan dan etika serta menyemai nilai-nilai positif seperti berdisiplin (Shamsaad, S.S, 2004; Mohamad Ismail, M.Y, 2004).

Kemahiran kepimpinan (KP) melibatkan keupayaan untuk mengamalkan ciri-ciri kepimpinan dalam pelbagai aktiviti. Keterangan tahap KP adalah seperti berikut:

Tahap	Keterangan
KP 1	Pengetahuan tentang teori asas kepimpinan
KP 2	Kebolehan untuk memimpin projek
KP 3	Kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua pasukan dan anggota pasukan

Dikutip daripada Huzili et al. (2008)

FILEM: *Saving Private Ryan*

Ringkasan:

Cerita berkisarkan berkenaan seorang Kapten John Miller yang dilakonkan oleh Tom Hanks diarahkan oleh Jeneral George Marshall untuk memimpin pasukannya untuk mencari dan membawa pulang Private

James Francis Ryan yang telah, yang mana kesemua saudaranya telah pun terbunuh di dalam pertempuran. Pasukan Kapten John Miller menghadapi keadaan sukar sepanjang misi kerana mereka perlu menghadapi ramai musuh dari pihak Nazi. Ryan akhirnya berjaya dibawa pulang walaupun kapten John Miller akhirnya mati.

3.1.2 Kemahiran Komunikasi

Komunikasi bermaksud memindahkan atau menyampaikan mesej daripada satu pihak kepada pihak lain (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, 2009). Hakikatnya, Kelemahan graduan yang paling ketara ialah kelemahan dalam penguasaan kemahiran komunikasi (Briggs dan Hodgsm dalam Ahmad Esa et al., 2005). Kemahiran komunikasi ini penting kepada graduan kerana ia merupakan di antara keperluan kemahiran yang diperlukan oleh pihak majikan (Zaiton Mohd Hassan, 2003).

Kemahiran berkomunikasi melibatkan komunikasi berkesan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam konteks yang berlainan dengan peserta komunikasi yang berlainan. Keterangan tiga tahap kemahiran berkomunikasi (KKO) adalah seperti berikut:

Tahap	Kemahiran
KKO1	Kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis.
KKO2	Kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberi maklum balas.
KKO3	Kebolehan membuat pembentangan secara jelas, penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar.

Dikutip daripada Huzili et al. (2008)

FILEM: Bajrangi Bhaijaan

Ringkasan:

Filem ini menengahkan isu sosial di dalam garapan cerita. Filem ini mengisahkan tentang seorang pemuda naïf dari India, Pawan Kumar (yang dilakonkan Salman Khan) yang cuba mempertemukan seorang budak perempuan Pakistan bernama Shahida (dilakonkan oleh Harshaal Malhotra) yang bisu dengan keluarganya semula di Wilayah Azad Kashmir. Kisahnya bermula apabila ibu Shahida membawa pulang Shahida dari India bagi mengubati penyakit Shahida yang bisu, tetapi mampu mendengar dengan baik. Shahida terpisah dengan ibunya dalam perjalanan pulang ke Pakistan. Dia bertemu dengan Pawan, dalam satu upacara perayaan keagamaan di India. Walaubagaimanapun, Pawan mempunyai masalah kerana Shahida tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan. Babak ini menayangkan betapa pentingnya kemahiran komunikasi diantara dua individu yang berbeza latar belakang agama, budaya dan negara. Dengan hanya menggunakan bahasa isyarat, bahasa tubuh dan situasi-situasi dramatik tertentu, Pawan dapat berkomunikasi dengan baik dengan Shahida sehingga Pawan mengetahui asal-usul, dan agama Shahida. Shahida akhirnya dihantar pulang oleh Pawan dengan menyeberangi sempadan secara haram kerana karenah birokrasi kerajaan India untuk mengeluarkan dokumen perjalanan kepada Pawan. Banyak liku-liku sepanjang perjalanan dihadapi oleh Pawan dan Shahida. Mereka bertemu dengan seorang wartawan Pakistan yang ppada asalnya ingin membuat liputan negatif berkenaan Pawan kerana pawan telah diburu kerana dianggap sebagai seorang pengintip oleh pihak berkuasa Pakistan. Wartawan, Chand Nawab (dilakonkan oleh Nawazuddin) akhirnya percaya dengan tujuan dan niat Pawan. Si wartawan telah membuat liputan dengan berkomunikasi dengan masyarakat India dan Pakistan menggunakan video-video yang diambil sepanjang perjalanan dan ditularkan di dalam media sosial.

Akhirnya, penduduk kedua-dua negara yang beresengketa bersatu hati untuk berjuang melepaskan Pawan yang ditangkap, dan disyaki sebagai pengintip.

3.1.3 *Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah*

Pemikiran kritis ialah kemahiran mentafsir dan menilai sesuatu perkara yang diperhatikan dan maklumat yang diterima serta hujahan yang diperoleh dalam sesuatu komunikasi (Fisher dan Scriven, 1997). Ramai pakar pemikiran kritikal cenderung mendefinisikan pemikiran kritikal di perlukan bagi menyelesaikan sesuatu masalah dalam akademik dan juga dalam kehidupan. (Rodiah Idris et al. 2009).

Kemahiran menyelesaikan masalah melibatkan kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, analitis, serta kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan kepada masalah baru dan berlainan. Keterangan tiga kemahiran PKPM adalah seperti berikut:

Tahap	Kemahiran
PKPM1	Kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks dan kabur, serta membuat penilaian yang berjustifikasi
PKPM2	Kebolehan mengembang dan membaiki kemahiranberfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan
PKPM3	Kebolehan mencari idea dan mencari penyelesaian alternatif

Dikutip daripada Huzili et al. (2008)

FILEM: *A Beautiful Mind*

Ringkasan:

Sebuah cerita berkenaan penderitaan skizofrenia yang sering menghadapi masalah dalam kehidupan hariannya. Filem ini berkisarkan seorang mahasiswa dari jurusan matematik bernama John Nash yang genius mengidap penyakit skizofrenia ini. Penyakit skizofrenia ini merupakan satu penyakit mental yang simptomnya antara lain tidak dapat membezakan antara halusinasi dan realiti. John sering berhalusinasi dalam kehidupan hariannya. Penyakit John ini semakin parah apabila dia mulai bekerja di Makmal Wheller Defense. Filem ini menentang perjuangan seorang pesakit skizofrenia dalam mengatasi masalah yang dihadapi. Dalam filem ini, elemen kritis dan penyelesaian masalah ditampilkan melalui watak John Nash yang gemar menyelesaikan dan memecahkan kod rahsia sehingga beliau diambil kerja oleh unit perisikan di Pentagon.

3.1.4 *Etika dan Moral Professional*

Manakala moral professional pula merujuk kepada Etika dan Moral Profesional (EMO) melibatkan kebolehan untuk mengamalkan standard moral yang tinggi dalam amalan profesional dan interaksi sosial. Berikut adalah keterangan bagi dua tahap EMO adalah seperti berikut,

Tahap	Keterangan
EMO 1	Kebolehan memahami kesan ekonomi, alam sekitar dan sosiobudaya dalam amalan profesional.
EMO 2	Kebolehan menganalisis dan membuat keputusan dalam penyelesaian masalah berkaitan etika.

Dikutip daripada Huzili et al. (2008)

FILEM: *The Devil Wears Prada*

Ringkasan:

Mengisahkan seorang wanita, Andy Sachs yang dilakonkan oleh Anne Hathaway yang bekerja di sebuah syarikat majalah fesyen (*Runway*) yang terkenal. Andy merupakan seorang wanita muda yang sederhana dan hanya mempunyai penampilan yang biasa dalam fesyen dan tidak mengetahui secara mendalam berkenaan dunia Fesyen. Beliau diambil bekerja dengan syarikat tersebut sebagai seorang pembantu kepada Editor majalah, Miranda Priestly yang dilakonkan oleh Meryl Streep, di mana Miranda merupakan orang nombor satu dalam di syarikat tersebut. Miranda merupakan seorang ketua yang sangat keras, berdisiplin tinggi, perfeksionis, dan sering memberi tugas yang berat kepada pekerja bawahannya. Nilai etika dan professional yang ditunjukkan oleh orang tertinggi syarikat secara tidak langsung memotivasikan dan mendidik pekerjapekerja bawahannya untuk meniru nilai-nilai yang ada. Andy yang ada asalnya seorang wanita yang beketrampilan sederhana secara tidak langsung terikut dengan dengan ketrampilan ketuanya, menjadikan beliau seorang yang menepati masa dan teliti dalam sesuatu pekerjaan. Filem ini juga menampilkan bagaimana Andy mengawal emosi dalam menghadapi ketuanya yang sangat mementingkan masa selain membiasakan diri dengan dengan kerjakerja yang banyak. Hasil nilai yang diterapkan oleh letuanya, Andy turut berubah dari segi penampilannya dan gaya hidup di mana ramai orang di sekelilingnya tidak memperdayai perubahan dalam diri Andy yang lebih berketerampilan.

3.1.5 Kemahiran Kerja Berpasukan

Kerja berpasukan atau *spirit de corp* merupakan satu konsep yang digunakan dalam kemahiran kerja berpasukan (KKB). Ia melibatkan kebolehan untuk bekerjasama dengan orang lain daripada pelbagai latar belakang sosiobudaya untuk mencapai matlamat yang sama. Keterangan tiga tahap kemahiran KKB adalah seperti berikut:

Tahap	Kemahiran
KKB1	Kebolehan membina hubungan baik, berinteraksi dan bekerja secara efektif bersama untuk mencapai objektif yang sama.
KKB2	Kebolehan memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan.
TS 3	Kebolehan mengenali dan menghormati sikap, kelakuan, dan kepercayaan orang lain.

Dikutip daripada Huzili et al. (2008)

FILEM: *Train to Busan*

Ringkasan:

Filem ini mengisahkan seorang ayah (Sok Woo yang dilakonkan oleh Too Gong) yang telah bercerai dengan isterinya ingin memenuhi kehendak anak gadis kecilnya, Soo An yang dilakonkan oleh Soo An Kim untuk menemui ibu kandungnya di Busan sempena hari ulan tahunnya. Walaupun si ayah ada asalnya tidak mahu berjuma dengan bekas isterinya disamping mempunyai masalah dalam perniagaan

pada ketika itu, demi sayangkan anaknya, beliau tetap membawa anaknya untuk bertemu ibu iaitu bekas isterinya. Pemergian mereka bersama emak kepada Sok Woo dengan menggunakan perkhidmatan keretapi laju Korea ke Busan. Walaubagaimanapun, di kemuncak cerita seorang penumpang yang telah dijangkiti sejenis wabak turut serta dalam perjalanan, di dalam keretapi tersebut menuju ke Busan. Wabak yang dijangkiti menyebabkan penumpang tersebut bertukar menjadi zombie, dan setiap penumpang yang dijangkiti wabak menyebabkan tersebut menyebabkan wabak tersebut disebar kepada penumpang lain yang menyebabkan keadaan didalam gerabak keretapi menjadi kucar kacir. Dalam keadaan huru hara, penumpang yang masih tidak dijangkiti wabak tersebut bersatu dalam menyelamatkan dan membantu antara satu sama lain. Semangat kerjasama ditunjukkan oleh para penumpang untuk menyelamatkan Soo An, walau berbeza latar belakang keluarga. Walaupun terdapat penumpang yang mempunyai sifat ego dan mementingkan diri sendiri, semangat kerjasama dan berpasukan yang ditunjukkan oleh penumpang lain meneggelamkan sifat-sifat negatif yang ada dalam pasukan.

4.0 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan ini, pihak pengkaji melihat wujudnya keperluan untuk melakukan inovasi dalam penyampaian silibus korsi-spa di pelbagai peringkat. Hal ini wajar dipertimbangkan dengan memilih video atau filem yang sesuai untuk ditayangkan kepada pelatih korsi-spa semasa mereka mengikuti kokurikulum ini. Oleh itu, dengan kemudahan teknologi maklumat dan adanya sumber terbuka (*open source*) yang diperolehi secara percuma, maka usaha untuk menilai bahan-bahan ini perlu dilakukan. Di samping itu satu kajian mengenai sikap dan keberkesanan media ini juga perlu dijalankan untuk mengenalpasti kebaikan dan kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan aktiviti ini.

Hasil kajian lepas dalam pelbagai bidang juga perlu diteliti untuk mengambilkira kaedah penyelidikan yang digunakan serta dapatan yang diperolehi. Kajian ini bukan kesudahan yang boleh memberi kata putus terhadap fungsi media dalam pengajaran. Ia boleh dikategorikan sebagai kajian berterusan yang bertujuan untuk menyokong dapatan terdahulu dan mencari penemuan baru sesuai dengan kes yang diteliti untuk tujuan penambahbaikan dan inovasi.

Rujukan

Abdullah Hassan, Ainon Mohd. (2009). *Komunikasi di Tempat Kerja*. Selangor: PTS Publications and Distributers Sdn. Bhd.

Ahmad Shazrin Mohamed Azmi, Yasmin Ahmad Kushairi, Siti Norhazima Bosra@Abu, Suhailah Adilah Saarim (2015). *Relevan Silibus Kor Sispa Dalam Pembentukan Mahasiswa Yang Seimbang*. Kertas kerja *Seminar Kebangsaan Kor SISPA IPT Kali-3 2014 21-23 November 2014 Universiti Malaysia Perlis, Perlis Indera Kayangan*.

Fadilah Mat Assain@Hashim & Hasmadi Mat Safar. (2011). *Penerapan Kemahiran Insaniah Di Sekolah Menengah Teknik: Satu Analisis Perbandingan*. Degree Tesis. Universiti Tun Hussein Malaysia

Mohamad Ismail Mohamad Yunus (2004). "Enhancing Student Character Building and Ethics Development Process Through Co-Curriculum Activities: IIUM Experience. Kertas Kerja International Conference on Student Development, 16-18 April 2004 di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur.

Shamsaadal Sholeh Saad (2004). *Konflik Remaja Masa Kini dan Cabaran Menanganinya*. Kertas kerja *Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004, 29-30 Mei 2004, di Universiti Malaya*.

Sispa UTHM. (2017). *Silibus Kor Sispa*. Dimuat turun pada 13.2.2017 dari: <http://sispa.uthm.edu.my/v2/index.php/nota-kuliah-2/sukatan-silibus/silibus>

Zulkifli Mansor. (2008). *Pelaksanaan dan penilaian kemahiran insaniah dalam mata pelajaran kokurikulum di UTHM* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).

Ahmad Esa, Jailani Mohd Yunus, & Noraini Kaprawi. (2005). Persepsi Pensyarah Terhadap Penerapan Kemahiran Komunikasi Menerusi Kokurikulum di Politeknik. *Jurnal penyelidikan Pendidikan*, 17, 1-13.

Zaiton Mohd Hassan (2003). Developing Graduates for the Global Market. Kertas Kerja di *National IPT, Industry and Career Symposium 2003*.

Huzili, H., & Muhammad Shukri, S. (2008). Memperkasakan mahasiswa kejuruteraan menerusi penerapan kemahiran insaniah (Soft Skills). Dimuat turun pada 13.2.2017 daripada:

Nur Elyani Musa & Minarnie Hadzira Mohamad. (2014). Keberkesanan Penggunaan Alat Bahan Bantu Mengajar Dalam Pelaksanaan Kursus Sains Kejuruteraan di Kalangan Pelajar Diploma Kejuruteraan di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Dimuat turun pada 17.8.2017 daripada: <http://ecrim.ptsb.edu.my/file/20141106092545.pdf>

Ana Setyandari (2015). Inovasi Pemanfaatan Media Film untuk Peningkatan Kemampuan Listening dalam Pembelajaran Bahasa Inggris. *MAGISTRA*, 26(91), 45.

Lampiran: Senarai kajian-kajian berkaitan

1. Goll, J. G., & Woods, B. J. (1999). Teaching chemistry using the movie Apollo 13. *J. Chem. Educ.*, 76(4), 506.

2. Barnett, M., & Kafka, A. (2007). Using science fiction movie scenes to support critical analysis of science. *Journal of College Science Teaching*, 36(4), 31.

3. Sánchez, J. P. (2009). Using the movie awakenings (1990) to evaluate learning in the biology degree program at the Universitat Pompeu Fabra. Ten years of experience. *J Med Mov*, 5, 27-9.

4. Koch, G., & Dollarhide, C. T. (2000). Using a popular film in counselor education: Good Will Hunting as a teaching tool. *Counselor Education and Supervision*, 39(3), 203-210.

This article needs to be read in order to identify the used methodology and findings.

5. Kalra, G. (2011). Psychiatry movie club: A novel way to teach psychiatry. *Indian journal of psychiatry*, 53(3), 258.

6. Badura, A. S. (2002). Capturing Students' Attention: Movie Clips Set the Stage for Learning in Abnormal Psychology. *Teaching of Psychology*, 29(1), 58-60.

7. Wilson, N., Cowie, R., Baker, M. G., & Howden-Chapman, P. (2010). Movies for use in public health training: a pilot method for movie selection and initial results. *Med Teach*, 32, 270-271.

8. Blasco, P. G., & Moreto, G. (2012). Teaching Empathy through Movies: Reaching Learners' Affective Domain in Medical Education. *Journal of Education and Learning*, 1(1), 22.

9. Seo, E. M. (2008). The effects of movie-based teaching: Focusing on The Great Gatsby. *STEM Journal*, 9, 3-22.

10. Kim, K. (2006). Using movies to improve cultural awareness: A case study of the movie Legally Blonde. *STEM journal*, 7, 3-24

11. Lin, F. U. (2007). A Discussion on Movie Application in College English Teaching [J]. *Journal of Jiangnan University (Educational Sciences)*, 2, 020.
12. Sexton, R. L. (2006). Using short movie and television clips in the economics principles class. *The Journal of Economic Education*, 37(4), 406-417.
13. Mateer, G. D., & Li, H. (2008). Movie scenes for economics. *The Journal of Economic Education*, 39(3), 303-303.
14. Latifi, M., Mobalegh, A., & Mohammadi, E. (2011). Movie subtitles and the improvement of listening comprehension ability: Does it help?. *The Journal of Language Teaching and Learning*, 1(2), 18-29
15. Yuksel, D., & Tanriverdi, B. (2009). Effects of watching captioned movie clip on vocabulary development of EFL learners. *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology*, 8(2).
16. Wardhani, A. S., & Pusparini, R. (2013). The Use of Folktale Movie in Teaching Speaking of Narrative Text To the Tenth Grade Students of SMAN 1 Gedangan Sidoarjo. *Jurnal Mahasiswa Teknologi Pendidikan*, 1(1).
17. Chitra, J. U., & Thiagarajan, A. P. (2010). Teaching Writing Skills Through a Silent Movie: An Experiment. *Indian Journal of Open Learning (ISSN: 0971-2690)*, 10(1), 93-99.
18. Kim, D. B. C. (2009). Using movies to teach English phrasal verbs: A case study of the movie Grease. *STEM Journal*, 10, 3-25.
19. Pitriana, D., & Syahrudin, J. (2013). The Use of Cartoon Movie as a Media in Teaching Vocabulary to Young Learners. *Journal of English Language Teaching*, 1(2), 106-113.
20. 이도경. (2003). Teaching Phonological Accuracy Through Movies-On the Basis of the Movie Titanic. *언어과학연구*, 25(단일호), 215-234.